

07 JUN 2000

Syed Razak-IPP

PROJEK IPP PULAU BUNTING MULA BULAN DEPAN

ALOR SETAR, 7 Jun (Bernama) -- Pembinaan projek Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) di Pulau Bunting, Yan yang melibatkan kos berbilion ringgit akan bermula awal bulan depan, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata perjanjian persefahaman antara Kerajaan Negeri dan pemaju projek, SKS Venture Sdn Bhd akan dilaksanakan hujung bulan ini.

"Kerajaan Negeri telah meluluskan tapak seluas 800 hektar di kawasan pulau itu serta di tanah besar (Yan)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pembangunan negeri, di sini, hari ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah diberi taklimat semasa lawatannya ke Kedah tiga bulan lepas, telah menyatakan persetujuannya.

Selain stesen janakuasa elektrik, pulau itu akan dibangunkan dengan kawasan perumahan dan aktiviti pelancongan.

Kerajaan Negeri dijangka memegang kira-kira 20 peratus ekuiti, katanya.

Difahamkan, apabila IPP itu mula beroperasi dalam masa tiga tahun lagi, ia dijangka membekalkan elektrik ke selatan Thailand.

Mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut polis akan memanggil bekas Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid serta beberapa exco Kerajaan Negeri bagi membantu siasatan kegiatan sindiket penipuan kontrak projek perumahan, Syed Razak berkata beliau menyambut baik siasatan berkenaan serta mahu exco dan pegawai kerajaan yang dipanggil memberi kerjasama.

-- BERNAMA

MZM PR